



PENGAMBILAN BOSNIA-HERZEGOVINA 1908 OLEH AUSTRIA-HUNGARY DAN REAKSI MASYARAKAT BALKAN

Azlizan Mat Enh¹

Abstract

The decision of the big powers in Berlin in 1878 to handover Bosnia-Herzegovina to be administered temporarily by Austria-Hungary represented an early step to enable the latter to take possession of Bosnia-Herzegovina from the Ottoman empire permanently by 1908. This decision was motivated by several factors including concerns over the emergence of the Pan-Slave idea championed by Serbia among the Balkan community that posed a threat to the Austro-Hungarian empire. Although the step taken by Austria-Hungary was opposed by the Ottoman government and the Balkan states such as Bosnia-Herzegovina, Serbia, Bulgaria and Montenegro, Austria-Hungary managed to get the support of other European powers such as Britain, Germany and France. The takeover was done without the consideration of the views and sentiments of the Balkan community, particularly Bosnia-Herzegovina. This article examines the factors that influenced the measures taken by Austria-Hungary and considers the reactions of the Balkan states, including the Ottoman government.

Keywords: Balkan, Bosnia-Herzegovina, takeover, Ottoman, Pan-Slav, Austria-Hungary

Pendahuluan

Bosnia-Herzegovina pada asalnya adalah merupakan sebahagian daripada empayar Uthmaniah yang telah memerintah Bosnia-Herzegovina sejak tahun 1463. Namun begitu, pada tahun 1875-1878 telah berlaku satu pemberontakan Kristian di Bosnia-Herzegovina terhadap kerajaan Uthmaniah. Pemberontakan tersebut telah membawa kepada campur tangan Kuasa-kuasa besar Eropah. Melalui persidangan kuasa-kuasa besar dalam Rundingan Berlin 1878, Austria-Hungary telah diberi mandat untuk mentadbir Bosnia-Herzegovina secara sementara sehingga keamanan di Bosnia-Herzegovina dapat dipulihkan sebelum diserahkan semula kepada Uthmaniah. Setelah Bosnia-Herzegovina berada selama 30 tahun di bawah pentadbiran sementara Austria-Hungary, iaitu pada 5 Oktober 1908, kerajaan itu telah membuat keputusan dan bertindak mengisytiharkan negeri itu sebagai milik kekal dan sebahagian daripada empayar Austria-Hungary. Pengisytiharan tersebut telah mendatangkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat tempatan di Balkan terutamanya masyarakat Bosnia sendiri yang terdiri daripada etnik Muslim, Serb dan Croat serta kerajaan Serbia. Ini kerana masing-masing mempunyai kepentingan yang tersendiri di Bosnia-Herzegovina. Bagi masyarakat Bosnia-Herzegovina mereka cenderung untuk bersatu dengan jiran yang sekaum dan seagama dengan mereka. Sebagai contoh, kaum Serb di Bosnia ingin menyatukan Bosnia dengan Serbia, manakala

¹ Azlizan Mat Enh is a lecturer at the Centre for History, Politics and Strategic Studies in Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.



kaum Croat ingin bergabung dengan Crotia atapun berada di bawah jajahan kerajaan Austria-Hungary yang menganut agama kristian Katholik yang serupa dengan mereka. Manakala, bagi orang Muslim Bosnia, mereka ingin terus kekal di bawah daulah kerajaan Bani Uthmaniah. Selain Bosnia-Herzegovina, krisis ini turut mendapat reaksi daripada masyarakat Balkan yang lain seperti Serbia, Bulgaria dan Montenegro yang jelas tidak berpuas hati dengan tindakan Austria-Hungary tersebut. Kerajaan Uthmaniah yang kehilangan wilayahnya turut memberi reaksi memprotes keputusan Austria-Hungary berhubung pengambilan Bosnia itu.

Bagi Austria-Hungary, keputusannya untuk mengambil alih Bosnia-Herzegovina daripada kerajaan Uthmaniah telah didorong oleh beberapa faktor dalaman dan luaran yang menjadi pemungkin kepada tindakan tersebut. Pada bahagian awal ini, perbincangan adalah menjurus kepada faktor yang mendasari tindakan Austria-Hungary berhubung isu Bosnia-Herzegovina. Pada peringkat kedua, perbincangan akan memfokus kepada reaksi masyarakat Balkan terhadap Austria-Hungary dan akhir sekali reaksi Uthmaniah yang kehilangan sebahagian daripada tanah jajahannya di Eropah Timur.

Penularan Idea Pan Slav

Bosnia-Herzegovina adalah negeri di Semenanjung Balkan yang mempunyai kedudukan yang penting kepada Austria-Hungary. Austria-Hungary telah lama ingin mendapatkan negeri tersebut sebagai benteng untuk menghalang penularan idea Pan Slav¹ di dalam empayaranya. Persetujuan kuasa-kuasa besar memberikan kuasa kepada kerajaan itu untuk memperkenalkan reformasi di Bosnia-Herzegovina telah memberi peluang kepada Austria-Hungary untuk mengorak langkah yang seterusnya ke arah mengukuhkan kedudukannya di Bosnia-Herzegovina.

Oleh yang demikian, tidak menghairankan sekiranya faktor utama yang mendorong pengambilan Bosnia-Herzegovina ialah kerana kebimbangan Austria-Hungary tentang bahayanya penularan idea Pan Slav yang didokongi oleh masyarakat Serb ke dalam empayaranya. Keadaan ini telah sampai ke tahap yang kemuncak dan tidak dapat ditolak ansur lagi oleh Austria-Hungary. According to Sir E.Goshen:

Another reason which had also contributed largely to their decision was the Pan Serb revolutionary movement. This had reached such a pitch and had become so absolutely intolerable that the Austria-Hungary government had come to the conclusion that it could only be scotched by a plan of action which would put a stop to the impertinent Servian aspirations once and for all.²

Kemegahan Serbia mengimpikan penyatuan Slav Selatan telah membimbangkan kerajaan Austria-Hungary. Mereka telah menunjukkan tanda-tanda yang semakin dekat untuk menghampiri saudara Slav mereka di Bosnia-Herzegovina untuk bersatu dengan saudara Serb mereka dari Serbia. Idea Pan Slav ini sedang merebak dengan cepat. Laporan daripada kerajaan Austria-Hungary menunjukkan bahawa pergerakan ini telah mendapat kerjasama dan mendapat galakan daripada Kongres PanSlav di St. Petersburg.³ Malahan, jawatankuasa ini telah dibentuk dan dibantu dengan mendapat kewangan daripada Rusia, yang sedang dalam proses pembentukannya di Bosnia-Herzegovina dalam masa yang terdekat. Ini menyebabkan keputusan penaklukan



Bosnia-Herzegovina terpaksa dilakukan demi untuk mematahkan rancangan dan aspirasi Serbia yang dianggap biadap oleh Austria-Hungary. Penggabungan Bosnia-Herzegovina ke dalam empayar Austria-Hungary adalah penting untuk menyelamatkan kemusnahan empayar tersebut daripada idea Pan Slav ini.⁴

Mandat daripada Kuasa-kuasa Besar dalam Perjanjian Berlin 1878

Selain itu, kerajaan Austria-Hungary juga mendakwa bahawa selama kerajaannya mendapat mandat daripada kuasa-kuasa besar untuk mentadbir dan memulihkan semula keamanan di Bosnia-Herzegovina, mereka telah berjaya memberikan kedudukan yang baik kepada rakyat di Bosnia-Herzegovina dari segi hak asasi mahu pun pendidikan.⁵ Ini telah membabitkan kos pentadbiran yang tinggi termasuk kos pengurusan angkatan tentera. Selain itu, mereka juga telah berkorban bukan sahaja dari segi wang ringgit tetapi juga dari segi tempoh masa yang lama untuk melaksanakan mandat yang diamanahkan kepadanya. Austria-Hungary memberikan alasan bahawa hanya dengan menakluki wilayah tersebut, maka mandat yang diamanahkan itu akan terjamin keberkesanannya dan dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu adalah wajar kepada kerajaan Austria-Hungary untuk mengambil Bosnia-Herzegovina sebagai tanah jajahannya.

Seterusnya, keberanian Austria-Hungary mengumumkan pengambilan Bosnia-Herzegovina pada 5 Oktober, 1908 juga disebabkan oleh kerajaan Britain yang pernah berjanji untuk memberikan wilayah Bosnia-Herzegovina kepada kerajaan Austria-Hungary.⁶ Persetujuan dicapai dalam mesyuarat yang diadakan sebelum berlangsungnya Persidangan Berlin pada 1878 di antara Count Andrassy dengan Menteri Luar Britain ketika itu iaitu Lord Salisbury pada Jun 1878. Austria-Hungary sentiasa menunggu detik-detik untuk mendapatkan haknya yang mutlak ke atas Bosnia-Herzegovina. Namun, janji tersebut tidak pernah ditunaikan oleh kerajaan Britain. Oleh itu, bagi Austria-Hungary, kuasa-kuasa besar tidak mempunyai hak untuk menentang pengambilan Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayar Austria-Hungary. Ini memandangkan persetujuan awal telah menunjukkan bahawa Bosnia-Herzegovina sewajarnya diberikan kepada Austria-Hungary, sebagai balasan daripada sokongan Austria-Hungary kepada keputusan yang dibuat oleh Britain di Berlin pada tahun 1878.

Revolusi Turki Muda, Jun 1908

Keputusan Austria-Hungary untuk menakluki sepenuhnya Bosnia-Herzegovina juga tidak dinafikan didorong oleh kebimbangannya terhadap kejayaan gerakan revolusi Turki Muda pada Julai 1908.⁷ Pergerakan Turki Muda berjaya menjatuhkan rejim Sultan Abdul Hamid II melalui revolusi yang selama ini menguasai dan menerajui kerajaan Uthmaniah. Kejayaan Revolusi Turki Muda ini membimbangkan kerajaan Austria-Hungary kerana rejim baru ini, menggalakkan pemberian wilayah berautonomi terhadap tanah jajahannya. Oleh itu Austria-Hungary merasa tergugat dan membahayakan kedudukan Austria-Hungary sekiranya perjuangan rakyat Bosnia-Herzegovina untuk mendapatkan taraf negeri berautonomi akan diperkenankan oleh Gerakan Turki Muda. Kerajaan Austria-Hungary berpendapat bahawa Bosnia-Herzegovina boleh mendapat taraf sebuah negeri berperlembagaan dengan perkenan dan jaminan hanya daripada Austria-Hungary.



Kelemahan Rusia di Eropah

Selain itu, tindakan Austria-Hungary untuk melaksanakan cita-citanya menduduki Bosnia-Herzegovina ketika ini ialah keyakinannya tentang kelemahan Rusia di Eropah.⁸ Rusia yang sering mempertahankan negeri-negeri Slav di Semenanjung Balkan tidak akan membiarkan Austria-Hungary memilikinya. Namun begitu, Austria-Hungary amat menyedari bahawa Jerman akan sentiasa berada di belakangnya sekiranya penyelesaian berakhir dengan perperangan di antara Rusia dan Austria-Hungary. Tambahan pula, kerajaan Austria-Hungary juga menyedari bahawa status Rusia pada ketika itu adalah masih lemah dan belum bersedia untuk menghadapi sebarang perperangan pada masa ini. Ini adalah kerana Rusia masih dalam keadaan yang lemah selepas tewas dalam perperangan dengan Jepun di Asia pada tahun 1904-1905. Rusia memerlukan masa di antara 4 ke 5 tahun lagi untuk kembali menebus semula kehilangannya.⁹ Oleh yang demikian, kelemahan Rusia untuk berperang dengan Austria-Hungary memberi laluan mudah kepada kerajaannya untuk merealisasikan cita-citanya ke atas Bosnia-Herzegovina.

Sepertimana yang dibincangkan pada awal penulisan ini, pengambilan Bosnia-Herzegovina telah mencetuskan pelbagai reaksi di kalangan pelbagai pihak, bukan sahaja kepada kerajaan Uthmaniah yang kehilangan wilayahnya tetapi termasuk juga masyarakat Bosnia sendiri dan kuasa-kuasa kecil Balkan yang lain seperti Serbia, Bulgaria dan Montenegro. Kuasa-kuasa kecil Balkan ini terdiri daripada bangsa dan agama yang sama dengan keturunan Serb di Bosnia-Herzegovina. Namun begitu, kerajaan Uthmaniah dan kuasa-kuasa kecil ini tidak dapat berbuat apa-apa kerana tindakan Austria-Hungary itu telah mendapat restu daripada kuasa-kuasa Eropah seperti Britain, Perancis, Jerman, Itali dan Rusia.

Reaksi rakyat Bosnia-Herzegovina

Pengumuman perubahan status Bosnia-Herzegovina daripada jajahan sementara kepada wilayah yang kekal menjadi sebahagian daripada empayar Austria-Hungary telah menimbulkan sentimen anti Austria yang semakin semarak di kalangan rakyat Bosnia-Herzegovina. Rakyat Bosnia-Herzegovina yang tidak pernah rela diletakkan di bawah pentadbiran Austria-Hungary, menganggap bahawa tindakan yang dibuat oleh Austria-Hungary itu telah merebut segala harapan mereka. Oleh yang demikian, pengumuman rasmi yang dibuat mengenai penggabungan wilayah Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayar Austria-Hungary yang kekal, tidak direstui terutamanya oleh Muslim dan kristian Ortodok di wilayah tersebut.

Masyarakat Muslim Bosnia-Herzegovina tidak dapat mempercayai bahawa kerajaan Uthmaniah telah berputus asa dan menyerahkan wilayah tersebut kepada kerajaan Austria-Hungary.¹⁰ Mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa mereka akan kekal berada di bawah naungan empayar Austria-Hungary. Ini kerana masyarakat Muslim sebelum ini masih menaruh harapan bahawa mereka akan kembali berada di bawah naungan Sultan di bawah empayar Uthmaniah. Namun keputusan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan Austria-Hungary telah mengecewakan mereka dan sesuatu yang serius untuk mereka bertindak. Ini meyebabkan mereka mengambil keputusan untuk meninggalkan Bosnia-Herzegovina kerana menyedari bahawa Bosnia-Herzegovina tidak mungkin lagi kembali berada di bawah naungan Sultan.¹¹



Sekiranya, masyarakat Muslim Bosnia-Herzegovina menyimpan harapan untuk kembali bersatu di bawah naungan empayar Uthmaniah, manakala masyarakat Kristian Serb Ortodok pula yang berusaha selama ini untuk bersatu dengan saudara mereka di Serbia turut kecewa. Ini kerana, penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan Austria-Hungary, telah memusnahkan idea Pan Slav yang mereka cita-citakan itu. Selain itu, harapan mereka untuk mencapai kemerdekaan bagi Bosnia-Herzegovina juga tidak berjaya. Malah, mereka merasakan bahawa mereka telah terluka di bawah rejim Austria-Hungary.¹² Namun, mereka juga tidak dapat mengharapkan semula kerajaan Uthmaniah untuk kembali berkuasa di Bosnia Herzegovina.¹³

Kebanyakan mereka menantikan saudara mereka dari Serbia untuk bertindakbalas dengan mengisyiharkan perang ke atas Austria Hungary. Selain itu, mereka juga mengharapkan kuasa besar seperti Rusia, Britain dan Itali akan menolong membebaskan mereka dari empayar Austria-Hungary.

Manakala golongan paderi-paderi di Bosnia-Herzegovina pula, telah memberikan ceramah-ceramah mereka secara terbuka mengutuk kerajaan Austria-Hungary. Selain itu, mereka juga mengedarkan risalah-risalah yang mengandungi manifesto-manifesto untuk menaikkan semangat rakyat menentang Austria-Hungary. Dalam manifesto tersebut mereka meminta supaya semua orang Serb dan Muslim bersatu bersama-sama untuk menghalau Austria-Hungary dari Bosnia-Herzegovina.¹⁴

Keadaan ini telah mendorong kepada berlakunya rusuhan di antara tentera kerajaan dengan rakyat tempatan. Kerajaan terpaksa menempatkan sejumlah 35,000 orang tentera di wilayah tersebut. Penentang-penentang ini telah membakar landasan keretapi, terowong dan jambatan dengan menggunakan bom sebagai salah satu cara memprotes tindakan Austria-Hungary. Sebagai tindak balas, tentera Austria telah menembak mati beberapa rakyat tempatan.¹⁵

Reaksi Serbia

Bagi Serbia pula, kerajaannya merasa begitu kecewa dengan pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh Austria-Hungary kerana kerajaan tersebut telah bersusah payah berusaha untuk menyatukan Bosnia-Herzegovina dengan Serbia sebelum ini. Oleh itu pengambilan tersebut telah mendapat tentangan utama dari kerajaan Serbia. Serbia merupakan satu-satunya kuasa kecil di Semenanjung Balkan selain Bosnia-Herzegovina, yang enggan memberikan pengiktirafan tersebut kepada Austria-Hungary. Serbia merasa terhina dengan keputusan dan tindakan yang diambil oleh kerajaan Austria-Hungary untuk menggabungkan Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Austria-Hungary. Pengekalan pentadbiran Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina, menyebabkan luka yang telah wujud menjadi semakin mendalam.¹⁶ Dari sudut politik, tindakan Austria-Hungary ini telah memusnahkan impian Serbia yang sedang menanti masa yang sesuai untuk menyatukan Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Serbia bagi membentuk Serbia Raya.

Idea Serbia Raya ini adalah bertujuan untuk menyatukan Kerajaan Croatia, Slovenia, Dalmatia termasuklah juga Bosnia-Herzegovina. Oleh itu, tanpa Bosnia-Herzegovina, impian Serbia tidak mungkin tercapai. Sepertimana yang diketahui, dari sudut etnografi dan budaya, masyarakat Bosnia-Herzegovina terdiri daripada bangsa yang menuturkan



bahasa dan mengamalkan budaya yang sama dengan kaum Slav di Serbia. Ini merupakan nadi kepada Serbia dalam membentuk sebuah kerajaan Serbia Raya.¹⁷

Manakala dari sudut agama pula, Serbia tidak dapat merelakan sebahagian besar daripada penduduk Serb, Bosnia-Herzegovina yang mengikuti ajaran Kristian Ortodok untuk dijajah oleh kerajaan yang mempunyai fahaman Kristian Katolik. Bagi mereka agama Kristian Ortodok harus '*superior*' dari agama Katolik. Oleh itu, pada pendapat mereka pengikut kristian Ortodok tidak boleh dijajah oleh kristian Katolik. Bagi para pemimpin Serbia, mereka merasakan bahawa bukan hanya bangsa Serb yang tinggal di Serbia sahaja yang merupakan tanggungjawab mereka, tetapi merangkumi sesiapa sahaja yang sebangsa, sebahasa dan mempunyai aliran agama yang sama. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk membebaskan sebahagian besar daripada bangsa Serb di Bosnia-Herzegovina daripada kerajaan Kristian Katolik. Tambahan pula, dominasi dan pentadbiran Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina akan melupuskan etnik Serb dari wilayah itu. Ini kerana penjajahan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina akan menyebabkan penghijrahan bangsa Serb ke wilayah-wilayah lain di Balkan. Oleh itu, antara langkah yang diambil oleh kerajaan Serbia sebagai membantah tindakan Austria-Hungary itu, ialah dengan mendesak supaya kuasa-kuasa besar tidak mengiktiraf penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Austria-Hungary. Serbia juga mendesak supaya status quo di di kalangan kuasa-kuasa besar dikekalkan.¹⁸

Rakyat Serbia juga telah membakar gambar-gambar maharaja Austria-Hungary di samping mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran mengecam kerajaan Austria-Hungary.¹⁹ Selain itu, mereka juga turut memboikot barang-barang dari Austria-Hungary di Serbia. Mereka juga bertindak menulis artikel-artikel yang bercorak keganasan dalam suratkhabar-suratkhabar di Serbia sebagai mengutuk kerajaan Austria-Hungary .

Selain itu, Menteri Luar Serbia, menegaskan bahawa sekiranya penyatuan Bosnia-Herzegovina dengan Austria-Hungary disahkan oleh kuasa-kuasa besar, Serbia juga ingin mengemukakan tuntutannya. Menurut beliau lagi, adalah penting kepada Serbia, mendapatkan wilayah Novi Bazar²⁰ di Bosnia-Herzegovina yang boleh menghubungkan Serbia dengan Montenegro.²¹ Wilayah ini seharusnya diberikan kepada Serbia sebagai gantirugi. Sekiranya keseluruhan wilayah tersebut tidak dapat diberikan kepada Serbia, sekurang-kurangnya Serbia perlu mendapat sebahagian daripadanya yang masih boleh menghubungkan Serbia dengan Montenegro. Bagi pemimpin Serb mereka lebih rela mati daripada menyerahkan Bosnia-Herzegovina kepada Austria-Hungary.

Selain itu, Serbia juga mendesak sekiranya Austria-Hungary ingin menakluki Bosnia-Herzegovina, kerajaan itu harus melepaskan wilayah pelabuhan Antivari di Bosnia-Herzegovina supaya membolehkan Montenegro, sekutu Serbia menguasai wilayah tersebut. Ini bermakna artikel 29, Perjanjian Berlin perlu dimansuhkan sekiranya tuntutan Serbia itu dipenuhi.²² Menurut Menteri Luar Serbia lagi, sekiranya tuntutan-tuntutan tersebut gagal dipenuhi oleh semua kuasa-kuasa besar, pengambilan Bosnia-Herzegovina oleh Austria-Hungary akan tidak diiktiraf oleh Serbia dan krisis Bosnia tidak akan dapat diselesaikan. Namun, kerajaan Britain tidak bersetuju dengan pendapat Serbia. Ini kerana tindakan Serbia itu boleh mendatangkan bahaya yang akan membawa kepada perperangan. Manakala, polisi Britain adalah untuk mengelakkan sebarang provokasi yang boleh membawa kepada perperangan di Balkan.²³



Walau bagaimanapun, tuntutan atau gantirugi yang diminta oleh Serbia sukar untuk dipenuhi. Ini kerana, tuntutan Serbia adalah tidak berasas. Menurut, Sir Edward Grey, Austria-Hungary mempunyai hak untuk menggabungkan Bosnia-Herzegovina dengan empayar Austria-Hungary memandangkan wilayah tersebut telah berada lebih 30 tahun di bawah pentadbiran Austria-Hungary. Manakala, tuntutan Serbia ini, adalah terpulang kepada budi bicara dan persetujuan daripada kerajaan Uthmaniah untuk memberikannya kepada Serbia, kerana wilayah itu adalah hak milik kerajaan Uthmaniah. Oleh itu, Britain dan kuasa-kuasa besar yang lain tidak dapat memenuhi tuntutan yang diminta oleh Serbia itu.²⁴

Sebagai reaksi akhir tehadap tindakan Austria-Hungary tersebut, kerajaan Serbia bersiap sedia untuk melancarkan perperangan terhadap kerajaan Austria-Hungary. Mereka telah mendapat pelbagai bantuan kewangan dan peralatan perang daripada kerajaan Slav yang lain termasuk dari Montenegro dan Rusia.²⁵ Serbia juga telah bertindak menempatkan tenteranya di sempadan sebagai bersiap sedia untuk melancarkan perang dengan kerajaan Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina.

Pada 9 September 1908, tentera Serbia telah melancarkan serangan ke atas tentera Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina.²⁶ Mereka telah membakar dan memusnahkan asrama-asrama tentera dan pegawai-pegawai Austria-Hungary. Ramai tentera Austria-Hungary termasuk beberapa orang pegawainya telah terbunuh dalam serangan tersebut. Motif serangan daripada pihak Serbia adalah semata-mata kerana perasaan dendam dan irihi terhadap kerajaan Austria-Hungary.²⁷ Selain itu, Raja Peter iaitu Raja Serbia turut memberi sokongan kepada angkatan tentera Serbia supaya menyerang tentera Austria-Hungary di Bosnia-Herzegovina untuk menebus semula kehilangan populariti Serb di Balkan.

Namun begitu, bagi Austria-Hungary tindakan Serbia ini adalah satu kesilapan yang serius.²⁸ Austria-Hungary sedar bahawa tindakan Serbia itu merupakan satu provokasi supaya Austria-Hungary membala semula serangan tersebut. Sekiranya ini berlaku, cita-cita Serbia akan berjaya kerana tindakan Austria-Hungary akan dipandang serius oleh kuasa-kuasa besar sebagai mencabuli kedaulatan sebuah negara kecil. Ini akan mengakibatkan campurtangan kuasa-kuasa besar untuk menyokong Serbia.²⁹

Oleh yang demikian, menurut Aehrenthal, kerajaan Austria-Hungary tidak akan menyerang Serbia melainkan Serbia bersungguh-sungguh melancarkan serangannya ke atas Austria-Hungary. D'Aehrenthal, mengingatkan Serbia, supaya segera menghentikan persediaan perperangan sebelum kerajaannya membala serangan tersebut. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga kerajaan Austria-Hungary juga telah membuat persediaan ketenteraan dan meletakkan tenteranya di sempadan Bosnia-Herzegovina.³⁰ Kerajaan Austria-Hungary memberi amaran bahawa kerajaannya akan bertindakbalas ke atas Serbia sekiranya tentera Serbia menceroboh sempadan.

Serbia pula bertegas bahawa selagi kuasa-kuasa besar tidak mengiktiraf pergabungan Bosnia-Herzegovina dengan Austria-Hungary maka Serbia akan berdiam diri. Sebaliknya, Serbia akan sanggup berperang dan menanggung risikonya sekiranya kuasa-kuasa besar mengiktiraf pengambilan tersebut.³¹ Pada November 1908, Serbia telah berusaha untuk membentuk pakatan antara Serbia, Montenegro dan kerajaan Uthmaniah untuk menentang kerajaan Austria-Hungary. Namun begitu, Serbia gagal mendapatkan



sokongan dan persetujuan daripada kerajaan Uthmaniah. Menurut perjanjian tersebut, mana-mana kuasa yang ditentang oleh Austria-Hungary perlu memberikan bantuan ketenteraan kepada pihak yang satu lagi, tetapi kerajaan Uthmaniah tidak menyakini komitmen Serbia. Ini kerana Serbia adalah negeri Slav yang sering memberi masalah kepada Uthmaniah di Balkan.

Pada bulan Mac 1909, kerajaan Rusia, Perancis, Itali dan Britain telah menasihati Serbia supaya tidak berperang dengan kerajaan Austria-Hungary, sebaliknya mengesahkan keputusan tindakan kerajaan itu.³² Kegagalan Serbia untuk mendapatkan pakatan militer bersama kerajaan Uthmaniah dan tekanan daripada kuasa-kuasa besar menyebabkan Serbia tidak mempunyai pilihan selain terpaksa dan tanpa rela menghantar teks kepada Austria-Hungary yang mengesahkan kedaulatan Austria-Hungary ke atas Bosnia-Herzegovina pada Mac 1909.³³

Reaksi Bulgaria

Bulgaria melihat pengisytiharan kerajaan Austria-Hungary untuk memiliki Bosnia-Herzegovina pada 5 Oktober 1908 merupakan satu peluang kepada Raja Ferdinand³⁴ dari kerajaan Bulgaria untuk membebaskan keseluruhan Bulgaria daripada empayar Uthmaniah. Bulgaria adalah sebuah kerajaan yang merdeka di bahagian utaranya, manakala di bahagian selatannya telah diberikan taraf kerajaan berautonomi di bawah kedaulatan empayar Uthmaniah melalui Rundingan Berlin 1878.

Raja Ferdinand tidak berpuashati dengan status negerinya yang tidak mendapat kemerdekaan sepenuhnya. Tindakan Aehrenthal mengumumkan pengambilan Bosnia-Herzegovina pada 5 Oktober 1908, telah mempengaruhi Raja Ferdinand untuk turut membebaskan Bulgaria sepenuhnya daripada empayar Uthmaniah. Oleh itu, beliau telah mengambil langkah dengan membuat pengisytiharan kemerdekaan pada jam 3.00 petang pada 6 Oktober 1908 bertempat di istana raja di Tirnovo.³⁵ Pengumuman tersebut telah disambut dengan upacara rasmi seperti tembakan senapang dan menaikkan bendera negeri Bulgaria. Kerajaan Uthmaniah tidak mengesahkan kemerdekaan Bulgaria. Keputusan daripada kerajaan Uthmaniah turut disokong oleh kerajaan Britain. Sir Edward Grey menegaskan bahawa:

England had always maintained that no treaty can be modified save with the consent of the signatory powers and that they could not therefore recognize independence until the consent of Turkey and of the other powers had been obtained.³⁶

Namun begitu, Raja Ferdinand mendakwa bahawa sememangnya Bulgaria telah lama berdikari daripada kerajaan Uthmaniah, dan adalah wajar kepada Bulgaria untuk mendapatkan hak kemerdekaan sepenuhnya daripada kerajaan Uthmaniah. Manakala, kerajaan Uthmaniah pula pada masa yang sama sedang menghadapi krisis Bosnia-Herzegovina, terpaksa membuat pengorbanan membebaskan Bulgaria daripada kedaulatan empayar Uthmaniah. Ini juga bermakna bahawa kerajaan Bulgaria tidak perlu lagi membayar ufti kepada kerajaannya. Sebagai balasan daripada tindakan Bulgaria itu, kerajaan Bulgaria dikehendaki membayar gantirugi kepada kerajaan Uthmaniah.

Kerajaan Uthmaniah telah menuntut sejumlah 142,000 fr. sebagai gantirugi daripada kemerdekaan Bulgaria. Namun begitu, Bulgaria bersetuju untuk membayar hanya



sejumlah 125,000 fr. kepada kerajaan Uthmaniah sebagai pampasan kepada kehilangan moral dan material kerajaan itu.³⁷ Delegasi yang dihantar ke Istanbul oleh kerajaan Bulgaria pada Januari 1909, memujuk kerajaan Uthmaniah supaya bersetuju dengan sejumlah wang yang ditawarkan oleh kerajaannya itu. Kerajaan Uthmaniah akhirnya bersetuju untuk menerima tawaran tersebut dan mengesahkan kemerdekaan Bulgaria. Keputusan ini, kemudiannya diperakukan oleh kuasa-kuasa besar yang terlibat dalam Perjanjian Berlin 1878. Kemerdekaan Bulgaria sepenuhnya mencatatkan satu lagi kehilangan wilayah empayar Uthmaniah di Semenanjung Balkan.

Reaksi Montenegro

Montenegro juga tidak merestui tindakan Austria-Hungary menjadikan Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada empayarnya. Ini kerana Montenegro juga seperti Serbia berharap supaya Bosnia dicantumkan dengan Serbia, agar dapat membela nasib orang Serb Bosnia. Keadaan ini menyebabkan Menteri Luar Montenegro iaitu Milovanovitch mendesak kerajaan Austria-Hungary supaya membebaskan pelabuhan Montenegro iaitu Antivari daripada penguasaan Austria-Hungary. Tindakan Montenegro ini pula telah disokong oleh Serbia, agar kuasa besar itu mengiktiraf kemerdekaan Antivari yang terletak di sempadan Serbia-Montenegro. Manakala rakyat Montenegro pula mahu bergabung dengan tentera Serbia untuk menyerang Austria-Hungary. Namun raja Montenegro iaitu King Nikholas telah berjaya menahan rakyatnya daripada berperang dengan Austria sebagai mematuhi arahan kuasa-kuasa besar³⁸. King Nicholas juga meminta supaya kuasa-kuasa besar memberi ganti rugi kepada Montenegro berhubung isu Antivari sebagai langkah untuk menenangkan rakyatnya. Sekiranya ini tidak dipenuhi, maka konflik antara Montenegro dengan Austria-Hungary sukar untuk dielakkan. Ini menyebabkan kerajaan Britain memberi amaran kepada Montenegro bahawa walaupun kerajaan Britain bersimpati kepada Montenegro dan Serbia tetapi kuasa-kuasa besar tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana negeri yang membuat provokasi perang³⁹.

Reaksi Kerajaan Uthmaniah

Semasa pengumuman penggabungan Bosnia-Herzegovina dengan kerajaan Austria-Hungary diumumkan oleh Aehrenthal, Istanbul baru sahaja selesai menghadapi gerakan Revolusi Turki Muda yang meletus pada Julai 1908. Revolusi tersebut telah berjaya menggulingkan pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Oleh yang demikian, keadaan politik di dalam kerajaan Uthmaniah berada dalam keadaan yang kucar kacir dan masih mengelirukan.

Tindakbalas yang pertama dilakukan oleh kerajaan Uthmaniah semasa menerima keputusan Austria-Hungary mengenai pengambilan wilayah Bosnia-Herzegovina ialah mengumumkan bahawa tindakan Austria-Hungary itu, tidak akan diiktiraf oleh kerajaan Uthmaniah.⁴⁰ Ini kerana Austria-Hungary hanya diberikan mandat untuk menduduki dan melaksanakan reformasi kepada wilayah tersebut yang masih sah di bawah kedaulatan dan naungan Sultan. Tambahan pula, tindakan Austria-Hungary ini juga telah mencabuli Perjanjian Berlin 1878.

Di Turki, rakyat telah melaksanakan mogok terhadap pengimportan dan penggunaan barang-barang dari Austria-Hungary sebagai protes terhadap tindakan Austria-Hungary



itu.⁴¹ Pemogokan ke atas barang-barang dari Austria-Hungary telah membawa kerugian kepada kerajaan Austria-Hungary. Kerajaan Austria-Hungary telah mendesak supaya pihak berkuasa kerajaan Uthmaniah menghentikan tindakan memboikot barang daripada Austria-Hungary. Namun begitu, permintaan kerajaan Austria-Hungary tidak mendapat perhatian dan tiada sebarang usaha yang diambil oleh kerajaan Uthmaniah untuk menyelesaikan masalah tersebut.⁴² Sebaliknya, kerajaan pula telah memberikan inisiatif dan sokongan kepada tindakan memboikot barang-barang Austria-Hungary di Turki. Keadaan ini telah mewujudkan persaingan terhadap barang-barang Austria-Hungary sebaliknya membuka peluang yang baik kepada barang-barang dari negara lain, terutamanya Britain. Britain turut memberi sokongan kepada gerakan memboikot barang Austria-Hungary kerana ini menyebabkan import dari Britain menjadi alternatif dan pilihan menggantikan barang-barang dari Austria-Hungary.⁴³ Ini memberi pasaran dan perniagaan yang baik kepada Britain.

Rakyat Turki juga turut mengadakan tunjuk perasaan gerakan anti Austria di pejabat kedutaan British di Haifa.⁴⁴ Selain itu, mereka turut mengadakan tunjuk perasaan anti Austria dan Jerman di Istanbul.⁴⁵ Tunjuk perasaan anti Austria dan Jerman ini adalah bertujuan untuk menyelar dan membantah kaedah dan cara yang diaplikasi oleh Baron Aehrenthal untuk mencapai tujuan politiknya di Bosnia-Herzegovina. Reaksi yang ditunjukkan oleh rakyat Turki ini telah mewujudkan hubungan yang tegang antara kerajaan Uthmaniah dengan kerajaan Austria-Hungary.

Pada 11 Januari, duta kerajaan Austria-Hungary di Istanbul iaitu Pallavicini, telah memaklumkan bahawa kerajaannya bersetuju untuk membayar wang pampasan kepada kerajaan Uthmaniah sebanyak 2,500,000 paun sterling sebagai gantirugi kepada pengambilan wilayah Bosnia-Herzegovina. Walaupun pada mulanya kerajaan Uthmaniah tidak bersetuju menukar wang pampasan dengan Bosnia-Herzegovina, tetapi beliau akhirnya menerima tawaran tersebut kerana tidak mendapat sokongan kuasa-kuasa besar ke atas tuntutannya semula ke atas Bosnia-Herzegovina.

Oleh yang demikian, kerajaan Uthmaniah terpaksa akur akan kehilangan wilayahnya itu kepada Austria-Hungary. Pada 26 Februari 1909, kerajaan Uthmaniah telah mengiktirafkan Bosnia-Herzegovina sebagai hak milik kerajaan Austria-Hungary. Kerajaan Uthmaniah diberi wang pampasan oleh kerajaan Austria-Hungary sebagai ganti rugi kepada tindakannya itu. Pada April 1909, penggabungan secara sah Bosnia-Herzegovina dengan Austria-Hungary telah ditandatangani oleh kuasa-kuasa Eropah.

Kesimpulan

Pengambilan Bosnia-Herzegovina pada tahun 1908 ini adalah berpunca daripada langkah Menteri Luar Austria-Hungary iaitu Baron D'Aehrenthal untuk mengambil hak sepenuhnya ke atas Bosnia-Herzegovina daripada apa yang telah diperuntukkan dan diamanahkan kepadanya dalam Perjanjian Berlin 1878. Permusuhan tradisi di antara bangsa Slav dan Magyar merupakan punca utama kepada gabungan empayar Austria-Hungary dengan Bosnia-Herzegovina. Bagi Austria-Hungary, idea Pan Slav ini sekiranya tidak ditangani akan menjadi parasit yang dapat meruntuhkan empayar Austria-Hungary.



Di pihak lain pula, tindakan tersebut telah memberi impak dalam hubungan antara Austria-Hungary dengan negeri-negeri Balkan yang terdiri daripada bangsa Slav terutamanya Serbia dan orang-orang Serb dan Muslim di Bosnia-Herzegovina. Serbia mempunyai cita-cita untuk menggabungkan Bosnia-Herzegovina sebagai sebahagian daripada Serbia. Oleh itu, Serbia telah meneruskan permusuhan menentang Austria-Hungary bukan sahaja di Bosnia-Herzegovina tetapi di seluruh Semenanjung Balkan. Idea Pan Slav dan Serbia Raya telah menjadi misi kepada perjuangan Serbia. Perjuangan Slav ini menjadi saingan utama kepada kerajaan Austria-Hungary yang mempunyai seramai dua ratus ribu rakyat berbangsa Slav di dalam empayar nya.

Keadaan ini telah membawa kepada ketidakstabilan politik di rantau Balkan. Ini jelas melalui beberapa siri peperangan di Balkan seperti Perang Balkan I dan II pada tahun 1911 dan 1912. Peperangan tersebut telah diatur oleh Serbia dengan sokongan kuasa-kuasa kecil Balkan yang lain seperti Montenegro dan Bulgaria. Kemuncak kepada permusuhan Serbia dan Austria-Hungary ialah pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary oleh pemuda Serb pada Julai 1914. Peristiwa tersebut telah mencatatkan sejarah penting kepada dunia, kerana mengheret kuasa-kuasa besar untuk mencetuskan Perang Dunia 1 pada 1914.

Nota Hujung

- ¹ Pan Slav merupakan agenda yang diperjuangkan oleh Serbia dan Rusia di Semenanjung Balkan bertujuanuntuk menghapuskan penjajahan Austria-Hungary dan Uthmaniah yang bukan dari keturunan Slav seperti Serbia dan Rusia. Serbia bercita-cita untuk mendapatkan Bosnia-Herzegovina dengan kerjasama Rusia untuk menggulingkan kerajaan Austria-Hungary melalui agenda Pan Slav. Penduduk Balkan adalah dari rumpun Slav yang sama dan mempunyai hubungan yang baik dengan Rusia. Malah Rusia dianggap sebagai pelindung kaum Slav di Balkan. Sebaliknya, hubungan Serbia dan Rusia boleh menggugat kestabilan empayar Austria-Hungary di Balkan.
- ² FO 421/244, Arkib Negara Britain (PRO) Kew, London. Surat Sir E.Goshen kepada Sir Edward Grey, Vienna, 6 Oktober 1908.
- ³ ibid.
- ⁴ ibid.
- ⁵ ibid.
- ⁶ FO 421/244, Arkib Negara London, Kew, London. Surat Sir E.Goshen To Sir Edward Grey, Vienna, 6 Oktober 1908.
- ⁷ FO 373/1/11, Bosnia And Herzegovina Handbooks Prepared Under The Direction Of The Historical Section Of The Foreign Office – No 10, Februari 1919, hlm. 28.
- ⁸ FO 421/245, Surat Sir R.Rodd kepada Sir Edward Grey, Rome, 15 Disember 1908.
- ⁹ FO 421/250, Surat Sir A.Nicolson kepada Sir Edward Grey, St.Petersburgh, 24 Mac 1908.
- ¹⁰ FO 421/244, Surat Consul Freeman kepada Sir Edward Grey, Serajevo, 12 Oktober 1908.
- ¹¹ ibid.
- ¹² ibid.
- ¹³ ibid.
- ¹⁴ ibid.
- ¹⁵ ibid.



- ¹⁶ FO 421/244, Surat Sir E.Goshen kepada Sir Edward Grey, Marienbad, 31 Ogos 1908.
- ¹⁷ FO 421/253, Surat Sir Whitehead kepada Sir Edward Grey, Belgrade, 12 Oktober 1909.
- ¹⁸ FO 421/244, Surat Mr.Whitehead kepada Sir Edward Grey, Belgrade, 7 Oktober 1908.
- ¹⁹ FO 421/241, Surat Mr.E.Goshen kepada Sir Edward Grey, Vienna, 19 Oktober 1908.
- ²⁰ Dari sudut geografi, Novi Bazar adalah bersempadan dengan Bosnia-Herzegovina di bahagian utaranya, yang telah memisahkan komunikasi antara Serbia dan Montenegro. Ini kerana Novi Bazar telah diletakkan di bawah kekuasaan Austria-Hungary selepas Rundingan Berlin 1878. Novi Bazar juga penting kepada Austria-Hungary dari sudut pertahanan kerana ia telah memisahkan Serbia dengan Montenegro, serta dapat menyelamatkan komunikasi antara Bosnia-Herzegovina dengan Romelia. Namun begitu, kerajaan Uthmaniah telah diberikan hak untuk mentadbirnya berdasarkan Perjanjian Berlin 1878.
- ²¹ FO 421/244, Surat Sir Edward Grey kepada Mr. Whitehead, Foreign Office, 28 Oktober 1908.
- ²² ibid.
- ²³ ibid.
- ²⁴ ibid.
- ²⁵ FO 421/241, Surat Sir Edward Grey kepada Mr.Carnegie, Foreign Office, 7 Disember 1908.
- ²⁶ FO 421/241, Surat Mr.Carnegie kepada Sir Edward Grey, Vienna, 13 November 1908.
- ²⁷ ibid.
- ²⁸ ibid.
- ²⁹ ibid.
- ³⁰ FO 421/241, Surat Whitehead kepada Sir Edward Grey, Belgrade, 6 November 1908.
- ³¹ FO 421/245, Surat Sir A.Nicolson kepada Sir Edward Grey, St.Petersburgh, 29 Oktober 1908.
- ³² FO 421/250, Surat Sir Edward Grey kepada Mr. Whitehead, Foreign Office, 29 Mac 1909.
- ³³ FO 421/250, Surat Sir F.Cartwright kepada Sir Edward Grey, Vienna, 31 Mac 1909.
- ³⁴ Raja Ferdinand atau nama sebenarnya Karl Leopold Maria ialah Raja Bulgaria yang berasal daripada keturunan Austria-Hungary. Beliau dilantik sebagai Putera Mahkota dari tahun 1887-1908 dan telah memerintah kerajaan Bulgaria dari tahun 1908-1918.
- ³⁵ FO 371/550, Surat Sir G. Buchanen kepada Sir Edward Grey, Sofia, Oktober 1908.
- ³⁶ FO 421/249, Surat Sir G.Buchanen kepada Sir Edward Grey, Sofia, 28 Februari 1909.
- ³⁷ FO 421/249, Surat Sir Edward Grey kepada Sir. A.Nicolson, Foreign Office, 11 Januari 1908.
- ³⁸ FO 421/244 , Surat Mr.Oreilly kepada Sir Edward Grey, Cettinge, 28 Oktober 1908.
- ³⁹ FO 421/244, Surat Sir Edward Grey kepada Mr.Oreilly, Foreign Office, 29 Oktober 1908.
- ⁴⁰ FO 421/244, Surat Sir A.Nicolson kepada Sir Edward Grey, St.Petersburgh, 29 Oktober 1908.
- ⁴¹ FO 421/245, Surat Sir G.Lowther kepada Sir Edward Grey, Constantinople, 25 November 1908.



- ⁴² FO 421/245, Surat Mr. Carnegie kepada Sir Edward Grey, Vienna, 25 November 1908.
- ⁴³ FO 421/245, Surat Mr. Carnegie kepada Sir Edward Grey, Vienna, 24 November 1908.
- ⁴⁴ FO 421/245, Surat Sir F. Cartwright kepada Sir Edward Grey, Vienna, 10 Disember 1908.
- ⁴⁵ ibid.

Rujukan

- FO 421/249
FO 421/244
FO 421/241
FO 421/250
FO 421/245
FO 371/550
FO 421/253
FO 373/1/11

